



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 38  
Bil. 21

12 Oktober 1995

TAMBAHAN No. 4  
PERUNDANGAN

K.P.U. 9.


AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL LARANGAN MEROKOK DALAM PANGGUNG  
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1993

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Lesen dikehendaki.
4. Fee lesen.
5. Budi bicara Majlis.
6. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
7. Kebersihan.
8. Perubahan dan tambahan.
9. Halangan.
10. Kegunaan lain tidak dibenarkan.
11. Pencahayaan dan peredaran udara.
12. Keselamatan.
13. Pencegahan kebakaran.
14. Kuasa untuk memasuki tanah atau premis.
15. Pengecualian.
16. Penalti.



K.P.U. 9.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL LARANGAN MEROKOK DALAM PANGGUNG  
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kulim membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-undang Kecil yang berikut:

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Larangan Merokok Dalam Panggung (Majlis Daerah Kulim) 1993** dan hendaklah dipakai dalam kawasan Majlis Daerah Kulim.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya disarakkan dalam  *Warta* .

2. Sesiapa yang menghisap apa-apa cerut, rokok, paip atau benda yang seumpamanya di dalam mana-mana dewan pawagam, panggung, atau mana-mana pertunjukan sandiwara lain dalam mana-mana dewan yang dibuka kepada orang ramai di atas pembayaran suatu fee atau apa-apa bayaran yang lain adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit dan bagi maksud Undang-undang Kecil ini tindakan memasang api apa-apa cerut, rokok, paip atau benda yang seumpamanya adalah dianggap sebagai merokok.

3. Sesiapa yang melakukan kesalahan atau secara munasabah disyaki melakukan suatu kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini pada pandangan seseorang pegawai Majlis Daerah Kulim atau pegawai polis atau pengurus pawagam itu, boleh ditangkap tanpa sesuatu waran melainkan orang itu memberi nama dan alamatnya yang betul dan pegawai Majlis Daerah Kulim atau pegawai polis itu berpuas hati bahawa orang itu akan menjawab pada waktu yang sepatutnya mana-mana saman atau lain-lain tindakan yang mungkin diambil terhadapnya.

4. (1) Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis boleh mengarahkan apa-apa dakwaan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh menjalankan dakwaan itu.

Diperbuat pada 25 Ogos 1993.

HAJI HASHIM BIN HAJI ISMAIL,  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kulim

Diluluskan pada 18 September 1995.  
[PSU(K) 845/1392.]

HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Kedah Darul Aman

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PROHIBITION OF SMOKING IN THEATRES (KULIM DISTRICT COUNCIL)  
BY-LAWS 1993

- Act 171. In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Kulim District Council hereby makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms the following By-Laws:
- Citation and application. 1. (1) These By-Laws may be cited as the Prohibition of Smoking in Theatres (Kulim District Council) By-Laws 1993 and shall apply to the Kulim District Council area.
- (2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.
- Prohibition. 2. Any person who smokes any cigar, cigarette, pipe or similar substance in any cinema hall, theatres or any other theatrical performances in any hall which is open to the public on payment of a fee and any other consideration shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit and for the purpose of these By-Laws the act of lighting of any cigar, cigarette, pipe or similar substance shall amount to the act of smoking.
- Power to arrest. 3. Any person who commits or is reasonable suspected of committing an offence against these By-Laws in the sight of an officer of the Kulim District Council or a police officer may be arrested without a warrant unless such person gives his correct name and address and that such person will duly answer any summons or other proceeding that may be taken against him.
- Prosecution. 4. (1) The President of the Kulim District Council or such other officer as may be authorised in writing by him may direct any prosecution under these By-Laws.
- (2) Any officer so authorised in writing by the President may conduct such prosecution.

Made the 25th August 1993:

Haji Hashim Bin Haji Ismail,  
President,  
Kulim District Council

Approved on 18th September 1995.  
[PSU(K) 845/1392.]

Haji Sulaiman Bin Haji Daud,  
Clerk of the State Executive Council,  
Kedah Darul Aman